

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP RAKYAT

MAKLUMAT WARIS BANTUAN SARA HIDUP RAKYAT

1. S: Adakah pemohon wajib mengisi maklumat waris semasa Permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat?

J: Ya. Semua pemohon Bantuan Sara Hidup Rakyat wajib mengisi maklumat waris.

2. S: Apakah tujuan maklumat waris diisi oleh pemohon Bantuan Sara Hidup Rakyat?

J: Tujuan maklumat waris diisi adalah untuk:

- i. Menjadi wakil bagi sebarang urusan berkaitan Bantuan Sara Hidup Rakyat jika pemohon mempunyai masalah seperti berikut:
 - a. masalah kesihatan
 - b. masalah fizikal (OKU)
 - c. dipenjarakan
 - d. bertugas di luar kawasan dan lain-lain; atau
- ii. Menjadi waris bagi tuntutan Skim Khairat Kematian (SKK) jika penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat telah meninggal dunia bagi kategori Isi Rumah dan Warga Emas (tidak termasuk kategori Bujang dan Ibu / Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda tiada tanggungan).

3. S: Siapakah waris yang layak didaftarkan semasa Permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat?

J: Waris yang layak didaftarkan semasa permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat adalah seperti berikut:

- i. Ibu
- ii. Bapa
- iii. Pasangan
- iv. Anak
- v. Adik-Beradik
- vi. Cucu

4. S: Adakah waris yang didaftarkan terhad kepada status Warganegara Malaysia sahaja?

J: Pendaftaran waris tidak terhad kepada status Warganegara Malaysia sahaja. Waris perlu mempunyai hubungan pertalian dengan pemohon seperti syarat yang telah ditetapkan.

5. **S: Adakah dokumen pengenalan waris perlu dikemukakan semasa Permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat?**
- J: Semasa pendaftaran waris, pemohon tidak perlu mengemukakan apa-apa dokumen pengenalan waris. Hanya perlu pastikan maklumat waris yang didaftarkan adalah tepat dan mempunyai hubungan pertalian yang telah ditetapkan.
6. **S: Berapakah had umur untuk melayakkan seseorang menjadi waris?**
- J: Tiada had umur kelayakan seseorang untuk menjadi waris kepada pemohon Bantuan Sara Hidup Rakyat.
7. **S: Semasa mengisi Borang Permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat, saya membuat pilihan TIADA WARIS, adakah waris atau wakil boleh membuat penunaian bagi pihak saya?**
- J: Sekiranya pilihan yang dibuat adalah TIADA WARIS, sebarang urusan penunaian dan tuntutan Bantuan Sara Hidup Rakyat adalah tidak dibenarkan.
8. **S: Adakah saya masih boleh mengemas kini maklumat waris sekiranya pilihan sebelum ini adalah TIADA WARIS?**
- J: Boleh. Kemas kini waris hanya boleh dibuat oleh **pemohon sahaja** di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran. Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan pilihan waris yang telah diisi oleh pemohon adalah TIADA WARIS, tindakan kemas kini waris baru dan sebarang tuntutan Bantuan Sara Hidup Rakyat oleh waris / wakil adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali pasangan / tanggungan yang telah didaftarkan di bahagian B (maklumat isi rumah) oleh pemohon semasa permohonan.
9. **S: Bolehkah penukaran maklumat waris dibuat?**
- J: Boleh. Penukaran maklumat waris yang telah didaftarkan boleh dibuat oleh pemohon di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran sekiranya:
- i. Waris asal yang didaftarkan telah meninggal dunia; atau
 - ii. Pertukaran waris atas kehendak pemohon sendiri